

Mahasiswa perlu rebut peluang kerjaya

Serdang: Mahasiswa perlu memanfaatkan peluang yang disediakan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) mahupun agensi luar untuk menembusi pasaran kerja atau memulakan perniagaan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Prof Dr Mohammad Shatar Sabran

Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata banyak karnival atau ekspo kerjaya dianjurkan oleh pelbagai pihak, selain laman sesawang yang menyediakan maklumat mengenai tawaran pekerjaan.

Berbanding proses mencari pekerjaan yang agak sukar dahulu, beliau berkata, keadaan kini sudah berbeza seiring perkembangan ekonomi negara mewujudkan aneka peluang kerjaya baharu.

Terlalu memilih

"Bagaimanapun, kita sering mendengar bahawa graduan menganggur dan sukar men-

dapat pekerjaan, mungkin disebabkan mereka terlalu memilih atau tidak yakin dengan pakej diri sendiri untuk memohon suatu jawatan yang diiklankan.

"Sepatutnya pada tahun akhir pengajian, mereka sudah mempersiapkan diri untuk menempuh alam pekerjaan supaya boleh terus memulakan kerjaya sebelum majlis konvokesyen," katanya ketika ditemui pada Ekspo Kerjaya UPM 2014 anjuran Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM.

Yang turut hadir ialah Pengarah CEM, Prof Madya Dr Zulhamri Abdullah.

Menonjolkan diri

Lebih 3,000 pelajar UPM mengunjungi ekspo selama dua hari itu yang dimeriahkan dengan pameran oleh 51 syarikat, selain aktiviti-aktiviti jualan,

temu duga secara langsung, forum dan ceramah kerjaya.

Prof Mohammad Shatar berkata, penganjuran ekspo itu berjaya mencapai matlamat digariskan, malah dijayakan sepenuhnya oleh pelajar sendi-

ri, manakala pihak pengurusan universiti dan CEM hanya berperanan memantau perkembangan program berkenaan.

Beliau berkata, tujuan utama acara tahunan itu ialah untuk membolehkan pelajar UPM

menonjolkan diri kepada syarikat yang menyertai ekspo berkenaan, sekali gus memberi pendedahan dan meningkatkan kebolehpasaran mereka apabila tamat pengajian kelak.



Prof Mohammad Shatar melawat gerai pameran pada Ekspo Kerjaya UPM 2014.